

Malaysia Memerlukan Belanjawan Kesihatan Madani

Gabungan Kesihatan Malaysia mengalu-alukan [jaminan](#) Perdana Menteri pada 1 Okt 2023 bahawa Kementerian Pendidikan dan Kesihatan akan menerima peruntukan terbesar dalam Belanjawan 2024. Kami percaya bahawa peruntukan tersebut diperlukan untuk meningkatkan kesihatan Rakyat. Kami juga menyeru peningkatan secara beransur-ansur dan terancang untuk mencapai 5% daripada KDNK dalam Bajet 2027.

Kami juga mengesyorkan perkara berikut:

1. Memperuntukkan dana mengikut keutamaan Kertas Putih Kesihatan

Kami mengalu-alukan kelulusan Kertas Putih Kesihatan (KPK) di Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada bulan Jun 2023. HWP merupakan usaha terkini Malaysia dan peluang terbaik untuk reformasi sistem kesihatan, memandangkan KPK disokong oleh dua Menteri Kesihatan, dua Perdana Menteri dan dua Ketua Pengarah Kesihatan; suatu situasi yang belum pernah berlaku sejak usaha reformasi sistem kesihatan yang bermula pada tahun 1980an. Pelaksanaan KPK kini bergantung kepada pembentukan kumpulan kerja teknikal dan Suruhanjaya Pembaharuan Kesihatan, yang memerlukan perhatian dan dana sewajarnya.

2. Mempelbagaikan sumber dana untuk meningkatkan kemampanan

[KPK](#) menyatakan bahawa pada tahun 2020, Malaysia membiayai penjagaan kesihatan melalui tiga sumber utama: cukai daripada kerajaan (55% daripada semua perbelanjaan penjagaan kesihatan), bayaran “out-of-pocket” (atau OOP) (36%) dan insurans swasta (9%). Pertubuhan Kesihatan Sedunia percaya bahawa jika OOP berada di [bawah 20%](#), hanya beberapa keluarga sahaja akan menghadapi masalah pembiayaan untuk penjagaan kesihatan. Oleh itu, kami percaya bahawa kerajaan mesti mula mempelbagaikan sumber dana untuk mengurangkan perbelanjaan OOP dan mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan. Sumber dana baharu mungkin merangkumi pengenalan insurans kesihatan sosial secara beransur-ansur, peruntukan “sin taxes” atas tembakau dan alkohol, yuran penggunaan atau kerjasama yang sesuai dengan badan amal dan zakat.

3. Melabur dalam penjagaan kesihatan primer dan pencegahan, dan penentu sosial kesihatan

Sistem penjagaan kesihatan primer yang kukuh yang fokus kepada penjagaan kesihatan pencegahan akan mengurangkan lawatan ke hospital dan meningkatkan literasi kesihatan. Langkah awal boleh melibatkan kerjasama awam swasta yang lebih kukuh dengan klinik swasta, menggunakan kesihatan digital, meningkatkan jawatan latihan untuk Pakar Perubatan Keluarga dan pegawai kesihatan bersekutu, dan tumpuan sewajarnya pada penentu sosial kesihatan, seperti pembasmian kemiskinan dan undang-undang pekerjaan. Kami juga menyeru agar lebih banyak kemudahan dan perkhidmatan disediakan untuk komuniti orang kurang upaya di Malaysia. Tumpuan terhadap perkhidmatan pergigian, perkhidmatan penjagaan kesihatan mental bersifat komprehensif, holistik dan saksama serta pemerksaan pegawai kesihatan bersekutu turut diperlukan.

Kami maklum akan cabaran untuk meningkatkan dana untuk perkhidmatan kesihatan dan sosial ketika Malaysia menghadapi hutang negara sebanyak RM1 trilion. Walau bagaimanapun, kesihatan harus dianggap sebagai satu pelaburan, dan bukan kos. Rakyat Malaysia yang lebih sihat menyumbang kepada ekonomi, dan pelaburan kesihatan hari ini akan mengurangkan kos penjagaan kesihatan pada masa hadapan. Kami menantikan Belanjawan 2024 yang bertanggungjawab, berpandangan jauh dan bercita-cita tinggi.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Gabungan Kesihatan Malaysia

Tandatangan (menurut abjad):

PERSATUAN:

1. Academy of Medicine Malaysia (AMM)
2. Association of Malaysian Optometrists (AMO)
3. College of Anaesthesiologists, Academy of Medicine Malaysia
4. College of Physicians, Academy of Medicine Malaysia
5. IKRAM Health
6. Islamic Medical Association of Malaysia (IMAM)
7. Lung Cancer Network of Malaysia (LCNM)
8. Malaysian Association for Bronchology and Interventional Pulmonology (MABIP)
9. Malaysian Association of Clinical Biochemists (MACB)
10. Malaysian Association of Dental Public Health Specialists (MADPHS)
11. Malaysian Association of Environmental Health (MAEH)
12. Malaysian Association of Medical Assistants (PPPM)
13. Malaysian Coalition on Ageing (MCOA)
14. Malaysian Dental Association (MDA)
15. Malaysian Dermatology Association (PDM)
16. Malaysian Paediatric Association (MPA)
17. Malaysian Pharmacists Society (MPS)
18. Malaysian Society of Anesthesiologists (MSA)
19. Malaysian Society of Clinical Psychologists (MSCP)
20. Malaysian Society of Geriatric Medicine (MSGM)
21. Malaysian Society of Intensive Care (MSIC)
22. Malaysian Society of Ophthalmologists (MSO)
23. Malaysian Thoracic Society (MTS)
24. Medical Mythbusters Malaysia (M3)
25. MedTweetMY
26. Obstetrics & Gynaecology Society of Malaysia (OGSM)
27. Public Health Physicians Association of Malaysia (PPPKAM)

INDIVIDU:

1. Dato' Dr Amar Singh-HSS
2. Prof Asri Said
3. Dr Khor Swee Kheng
4. Dr Mano Shunmugam
5. Prof Mohd Zamrin Dimon
6. Dr N Ganabaskaran
7. Prof Syed Aljunid
8. Prof Dr Uma Palanisamy
9. Prof Zaleha Abdullah Mahdy
10. Datuk Dr Zulkifli Ismail